




Banjir berdekatan Stesen Komuter Serdang.

Trafik sesak
di kedua-dua arah
selepas hujan lebat
di Lebuhraya
Sprint.
[FOTO HALIM
SALLEH/BH]



Banjir kilat di Sri Kembangan, Serdang akibat hujan lebat semalam.

Banjir kilat, ribut landa Lembah Klang

» **Stesen Komuter Serdang dinaiki air satu meter**

Oleh Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Banjir kilat dan ribut di Lembah Klang petang semalam, menjejaskan beberapa lokasi di Sri Serdang selain mengakibatkan beberapa kenderaan rosak dihempap pokok tumbang di Petaling Jaya.

Hujan lebat bermula kira-kira jam 4 petang itu turut menyebabkan kawasan berhampiran Stesen Komuter Serdang dinaiki air sedalam satu meter, sekali gus menimbulkan kesesakan lalu-lintas.

Penolong Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata banjir kilat turut menyebabkan kira-kira 30 murid Sekolah Rendah Kebangsaan Sri

Serdang terperangkap berikutan pekarangan sekolah dinaiki air hingga paras lutut.

"Anggota bomba tiba ke sekolah berkenaan kira-kira jam 5 petang untuk membantu memindahkan murid terjejas ke Dewan Rukun Tetangga berhampiran sementara menunggu diambil ibu

bapa masing-masing.

"Di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) dan Petaling Jaya, enam kenderaan dilaporkan mengalami kerosakan ditimpa pokok manakala beberapa bumbung rumah diterbangkan ribut," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Antara kereta yang dilapor-

kan rosak ialah dua buah kereta jenis Renault, dua PROTON Perdana, sebuah Toyota Camry dan sebuah PRODUYA Myvi namun tiada mangsa tercedera ketika kejadian.

Beberapa laluan di lebuhraya Sprint dari Seksyen 16, Petaling Jaya dan Bulatan Dato Onn menuju Bangunan Parlimen, turut ditenggelami serta menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Aliran lalu-lintas dari Bandar Utama ke Taman Tun Dr Ismail dan dari Kelana Jaya ke SS2, Petaling Jaya turut sesak.


Bagaimanapun, banjir dilaporkan surut mulai jam 8.30 malam tadi selepas hujan berhenti.



Pokok tumbang menghempap beberapa kereta di Taman Tun Dr Ismail akibat hujan lebat dan ribut petang semalam.

Sino China

Granite & Batu Marmar



Granites & Batu Marmar yang luas lebar daripada lingkungannya dari seluruh dunia.

Dapur, Bilik Mandi, Meja, Lantai, Palang, Tangga, dan sebagainya

Tel: 603-4280 3161
SINO CHINA GRANITE SDN BHD
(468353-V)

No.2 Jalan Kuari, Kg. Cheras Baru,
56100 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-4280 3161/3162 Fax: 03-4280 3152
E-mail: sinochinagranitesb@gmail.com

f Find us on
Facebook